



PELAN STRATEGIK 2021 - 2025

PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEPANG





PELAN STRATEGIK 2021 - 2025

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
SEPANG**

Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang,
Bangunan Tun Aziz,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang, Selangor
✉ sepang@selangor.gov.my

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

KATA-KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH

4

BAB 1 – PENDAHULUAN

5

- Ringkasan Eksekutif 6
- Latar Belakang 8
- Carta Organisasi 11
- Fungsi dan Peranan 12
- Punca Kuasa 13
- Stakeholders & Pelanggan 14

BAB 2 – SENARIO PERSEKITARAN RASUAH

15

Isu-isu dan Cabaran 16

BAB 3 – HALA TUJU STRATEGIK

22

- Visi, Misi & Moto 23
- Nilai-nilai bersama 24
- Objektif Strategik & Pelan Tindakan 25
- Peta Strategik 48
- Elemen Penentu Kejayaan 49
- Mekanism Penaksanaan 50
- Carta Perbatuan 52

BAB 4 – PENUTUP

53

PERUTUSAN

KATA-KATA ALUAN PEGAWAI DAERAH

Assalamualaikum
warahmatullahiwabaraakatuh

Pelan strategik ini telah dibangunkan melalui penggembangan tenaga, pengalaman dan kemahiran pelbagai pihak di peringkat jabatan dan unit dengan mengambil kira keperluan pengurusan sumber manusia, hala tuju baharu perkhidmatan awam persekutuan dan negeri serta isu-isu semasa berkaitan *pandemic COVID19*.



Teras strategik ini akan menjadi tonggak kepada langkah meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dalam tempoh lima tahun akan datang. Jawatankuasa Transformasi PDT Sepang akan memantau, membuat pelaporan, penilaian tahunan dan seterusnya melaksanakan kajian semula pada tahun 2023 bagi memastikan ianya kekal relevan dengan cabaran dan isu semasa.

Usaha pemantauan dan penilaian akandilaksanakan secara berkala dalam memastikan strategi dan inisiatif ini dapat dijayakan.

Komunikasi yang efektif, kolaborasi dan libat urus yang berterusan antara jabatan serta pihak-pihak berkepentingan akan membolehkan matlamat pelan ini tercapai. Ini sekaligus akan memberi impak keberhasilan yang positif dalam meningkatkan kesejahteraan perkhidmatan awam secara keseluruhannya.

Akhir kata, semoga komitmen dan kerjasama yang telah ditunjukkan pada tahun-tahun sebelum ini akan dapat diteruskan untuk menjadi PDT Sepang lebih cemerlang dan gemilang di tahun-tahun mendatang.

Sekian, terima kasih.

TUAN KHAIRI AZALI BIN IBRAHIM
Pegawai Daerah Sepang

BAB 1:

PENDAHULUAN



RINGKASAN EKSEKUTIF

Daerah Sepang merupakan salah satu daerah di Selangor yang paling pesat berkembang dengan pembangunan infrastruktur, sosio ekonomi, perumahan, perkilangan dan IPTA/IPTS. Daerah Sepang juga terletaknya Ikon Negara yang tersohor diperingkat antarabangsa seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA), Litar Formula One dan Cyberjaya.

Berdasarkan senario tersebut Pejabat Daerah Tanah Sepang perlu lebih proaktif dalam penyediaan dan penyampaian sistem perkhidmatan yang lebih berkualiti, efisien bagi memenuhi keperluan stakeholder/pemegang taruh dan pelanggan. Justeru itu Pejabat Daerah Tanah Sepang telah menyediakan Pelan Strategik 2021-2025 bagi menghadapi keperluan semasa dan yang mendatang. Dokumen Pelan Strategik ini adalah kesinambungan dari Pelan Strategik 2016 - 2020.

Beberapa strategi dan Pelan Tindakan telah ditambahbaik selain mengekalkan elemen asal yang masih relevan.





LATAR BELAKANG

DAERAH SEPANG



Daerah Sepang adalah daerah bongsu bagi Negeri Selangor Darul Ehsan. Diwujudkan bermula 1 Januari 1975 dan terletak di bahagian selatan Negeri Selangor Darul Ehsan dan bersempadan dengan daerah Hulu Langat, daerah Kuala Langat dan Petaling. Daerah Sepang juga bersempadan dengan Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan. Jika dilihat dari pandangan udara, daerah Sepang adalah berbentuk seperti hulu sebatang keris, memanjang ke arah selatan dari Universiti Putra Malaysia (UPM), dengan lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban di sempadan sebelah timur sehingga ke Kampung Sungai Buah / Bukit Unggul.

PENUBUHAN DAERAH

Menurut sejarah awal, nama Daerah Sepang diambil bersempena dengan nama pokok yang banyak tumbuh di daerah ini, iaitu pokok Sepang (*Caesalpinia sappan*).

Pada awalnya, daerah ini merupakan kawasan-kawasan kecil daerah Kuala Langat (Mukim Sepang dan Mukim Labu) dan daerah Hulu Langat (Mukim Dengkil). Kawasan-kawasan ini kemudiannya digabungkan menjadi daerah baru.






Semasa awal penubuhannya, Pusat Pentadbiran Daerah Sepang terletak di Pekan Sepang. Apabila Kerajaan Persekutuan telah memilih daerah Sepang untuk menempatkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pusat Pentadbiran Daerah Sepang telah dipindahkan ke Bandar Baru Salak Tinggi (BBST) pada 26 Ogos 1983. BBST juga dikenali sebagai Bandar Lapangan Terbang (Airport City) dengan keluasan 896 hektar.



Jaringan jalan raya di dalam daerah Sepang terdiri daripada Lebuhraya Elite di bahagian barat, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS Highway) di bahagian timur, Lebuhraya B20 dan South Klang Valley Expressway (SKVE) di pertengahannya. Di samping itu, daerah Sepang juga dilengkapi dengan Sistem Express Rail Link (ERL) yang dibina untuk menghubungkan Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) melalui Putrajaya dan Cyberjaya. Kemudahan-kemudahan infrastruktur ini adalah perlu bagi menampung projek-projek mega supaya pembangunan di sekitar daerah Sepang akan terus berjalan lancar.





DEMOGRAFI SEPANG

Berdasarkan bancian penduduk dan Perumahan 2010, jumlah penduduk daerah Sepang ialah 211,400 orang yang terdiri daripada 86,700 Melayu, 17,100 Cina, 24,900 India dan lain-lain 82,700 orang.


PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG

Pentadbiran PDT Sepang diterajui oleh Pegawai Daerah dan tiga (3) orang Ketua Penolong Pegawai Daerah (KPPD) di Bahagian Tanah, Pembangunan dan Khidmat Pengurusan. Jumlah kakitangan sehingga kini ialah 151 orang.






CARTA ORGANISASI





FUNGSI DAN PERANAN





PUNCA KUASA

-  Perintah Am
-  Akta Pengambilan Tanah
-  Akta Kastam Dan Eksais Diraja
-  Selangor Land Rules
-  Kanun Tanah Negara
-  Arahan Pentadbiran
-  Arahan Perbendaharaan & Akta Tatacara Kewangan
-  Enakmen Rizab Melayu
-  Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN)
-  1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP) & Surat Pekeliling Perbendaharaan
-  Pekeliling Pejabat Tanah & Galian Selangor
-  Keputusan MMKN
-  Pekeliling Perkhidmatan & Surat Pekeliling Perkhidmatan
-  SOP KKM – Akta Kawalan Penyakit Berjangkit



STAKEHOLDERS & PELANGGAN

STAKEHOLDERS



PELANGGAN



BAB 2:

SENARIO PERSEKITARAN RASUAH



KEKUATAN



1. Sistem pengurusan dan tadbir urus yang sistematik.

Barisan kepimpinan Pejabat Daerah Tanah Sepang adalah mereka yang sangat berpengalaman dan kompeten dalam tugas dan tanggungjawab masing-masing. Mereka berpengalaman luas dalam bidang pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan tanah dan pengurusan pembangunan. Mereka telah berjaya menguruskan sistem penyampaian perkhidmatan yang sistematik sesuai dengan keperluan pelanggan.



2. Lokasi pentadbiran yang strategik.

Lokasi pentadbiran yang strategik dan berhampiran dengan Pusat Pentadbiran Putrajaya serta ikon antarabangsa seperti KLIA dan Cyberjaya membantu memudahkan pelanggan untuk berurus.



3. Rangkaian teknologi maklumat dan komunikasi yang lengkap.

Pejabat Daerah Tanah Sepang telah dilengkapi dengan rangkaian sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang lengkap dan terkini. Ini membantu mempercepatkan urusan pelanggan.



KEKUATAN

**4.**

Pembangunan sosio ekonomi dan kemasukan pelaburan dalam dan luar negeri.

Lokasi strategik Daerah Sepang telah berjaya menarik pelabur luar dan dalam negeri untuk menempatkan pusat perniagaan mereka dalam bidang perindustrian, perumahan dan teknologi maklumat. Ini secara tidak langsung menambah hasil Pejabat Daerah Tanah Sepang.

**5.**

Rangkaian sistem prasarana, pengangkutan dan lebuhraya yang moden bertaraf antarabangsa.

Prasarana pengangkutan dan lebuhraya moden bertaraf antarabangsa yang melalui Daerah Sepang memberi keyakinan yang kuat kepada pelabur dalam dan luar negeri mendapat pulangan baik dari pelaburan mereka. Daya tarikan ini memudahkan Pejabat Daerah Tanah Sepang merancang pembangunan guna tanah.



KELEMAHAN



1. **Pelan penggantian bagi pertukaran pegawai dan kakitangan lambat.**

Pelan penggantian dan pertukaran pegawai serta kakitangan yang lambat oleh pihak JPA dan negeri memberi kesan kepada proses dan pelaksanaan projek/perkhidmatan yang telah diluluskan. Sebahagian dari projek/perkhidmatan memerlukan kuasa pegawai yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan pekeliling kerajaan.



2. **Masalah penyelenggaraan jentera dan kekurangan sokongan logistik.**

Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang masih memerlukan tambahan logistik seperti kenderaan, Dron. Kenderaan yang sedia tidak mencukupi untuk melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang berkesan. Kenderaan yang tidak diselenggara menambah lagi masalah penguatkuasaan.



ANCAMAN

1.

Ketidakstabilan ekonomi global dan domestik.

Ketidakstabilan ekonomi global dan domestik memberi impak kepada perancangan dan pelaksanaan program Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang. Beberapa program dan projek terpaksa ditangguh atau diubahsuai kerana pihak pelabur dan pemaju hartanah mengambil langkah berhati-hati. Ini memberi kesan kepada hasil Pejabat Daerah Tanah Sepang.

2.

Penularan wabak penyakit Covid 19.

Penularan wabak penyakit Covid 19 memberi kesan kepada ekonomi, keselamatan, kesihatan dan sosial diperingkat global, negara, negeri dan daerah. Gangguan berpanjangan Covid 19 menjelaskan prestasi Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang. Semua proses kerja terpaksa disesuaikan dengan SOP Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.

Campur tangan politik.

Campur tangan politik dalam perancangan dan pelaksanaan projek/program Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang adakalanya memaksa pengubahsuaian dan memperlambangkan rentak pembangunan ekonomi daerah.



ANCAMAN

4.

Ekspektasi stakeholder dan pelanggan yang semakin tinggi dan kompleks.

Pembangunan kawasan perumahan dan kediaman moden membawa masuk bersama penduduk/pelanggan baru yang berjawatan dan berpendapatan tinggi. Cabaran getir menanti pentadbiran Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang bagi memenuhi keperluan mereka yang semakin kompleks.

5.

Kemasukan pendatang asing menimbulkan gejala sosial dan penguatkuasaan.

Pembangunan pesat Daerah Sepang telah menarik ramai warga asing bekerja dalam pelbagai sektor. Kehadiran PATI mengugat keselamatan dan kesejahteraan rakyat dengan isu sosial, jenayah, kesihatan dan penerokaan tanah secara haram. Perkara ini memerlukan kolabiasi dengan agensi kerajaan yang lain bagi tujuan penguatkuasaan.



PELUANG



1. **Peningkatan hasil melalui kemasukan pelabur domestik dan antarabangsa.**

Kemasukan pelabur domestik dan antarabangsa mempelbagai sumber hasil Pejabat Daerah Tanah Sepang.



2. **Kemajuan pembangunan dan infrastruktur.**

Para pelabur memerlukan jaringan pembangunan dan infrastruktur bagi mendapat pulangan optimum. Ini memberi peluang bagi merancang dan mendapat peruntukan kewangan dari kerajaan negeri dan persekutuan.



3. **Kemajuan sistem teknologi maklumat dan komunikasi.**

Peluang untuk memantapkan tahap pengurusan ICT infrastruktur dan keselamatan ICT bagi menyokong penyampaian perkhidmatan kepada stakeholder dan pelanggan.

BAB 3:

HALA TUJU STRATEGIK



VISI, MISI, MOTO, MATLAMAT



VISI

PENERAJU PENTADBIRAN TERBAIK KE ARAH SEPANG MAJU, SEJAHTERA DAN BERKEBAJIKAN




MISI

Memangkin Organisasi Melalui Perkhidmatan Yang Berkualiti Dan Mesra Bagi Mencapai Pembangunan Holistik Dan Seimbang



MOTO

Cekap, Telus Dan Efisien



MATLAMAT

Tadbir Urus Yang Mantap & Berintegriti & Berinovasi



NILAI BERSAMA

Sensitif

Sensitif dan sentiasa peka dan prihatin dengan keperluan stakeholder / pemegang taruh dan pelanggan.

Efisien

Melaksanakan tugas dengan cekap, cepat dan berkesan bagi mencari penyelesaian.

Profesional

Sentiasa berusaha meningkatkan kompetensi dan seiring dengan keperluan semasa.

Amanah

Berkhidmat dengan penuh komitmen, akauntabiliti dan bertanggungjawab dengan mengutamakan rakyat sebagai teras perkhidmatan.

Nilai Murni

Memantapkan nilai-nilai murni dalam organisasi melalui program-program integriti.

Globalisasi

Globalisasi merupakan cabaran utama yang memerlukan pemodenan pentadbiran, penyediaan sumber manusia terbaik, sokongan logistik/komunikasi terkini bagi memberi kemudahan kepada rakyat setempat, pelabur asing dan pelabur domestik.



OBJEKTIF STRATEGIK & PELAN TINDAKAN



Pelan Strategik 2021-2025 telah mengenalpasti objektif strategik seperti berikut :-

OBJEKTIF STRATEGIK

1

Memantapkan keupayaan tadbir urus organisasi bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.

2

Memperkasakan tadbir urus organisasi yang berasaskan akauntabiliti dan berintegriti kearah kecemerlangan organisasi.

3

Memperkuatkan pengurusan dan pentadbiran tanah bagi kemajuan dan kemakmuran negeri.

4

Meningkatkan kualiti kehidupan luar bandar.

5

Memperkasakan pembangunan luar bandar serta pengukuhan sosio ekonomi secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.

6

Mempertingkatkan keselamatan dan ketenteraman awam bagi tujuan mengekalkan perpaduan dan keharmonian masyarakat.



OBJEKTIF STRATEGIK 1

**MEMANTAPKAN KEUPAYAAN TADBIR URUS ORGANISASI BAGI MENINGKATKAN
KECEKAPAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN**

STRATEGI

Memantapkan pembangunan organisasi



Menetapkan hala tuju strategik pengurusan sumber manusia

Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif



Mempertingkat dan memperkasa imej organisasi

Memperkuatkan struktur dan Skim Perkhidmatan Organisasi

Manfaat dan mengoptimunkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan


Memantapkan fungsi dan diskripsi tugas

Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan pekerja

Memperkuatkan Pelan Strategik Sumber Manusia

Mempertingkatkan dan memudahkan capaian pelanggan

PELAN TINDAKAN





STRATEGI TERAS 1 : MEMANTAPKAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memperkuatkan struktur dan Skim Perkhidmatan organisasi	Mewujudkan dan memperkemaskan proses-proses kerja	Pensijilan MS ISO:2015	Mengekalkan pensijilan MS ISO:2015 dan 90% proses kerja telah dipersijilkan menjelang tahun 2021	BKP (Unit Pentadbiran)
	Memantapkan fungsi dan diskripsi tugas		Pengukuran Sasaran Kerja Tahunan	BKP (Unit HRMiS)



STRATEGI TERAS 2 : MENETAPKAN HALA TUJU STRATEGIK PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memperkuatkan Pelan Strategik Sumber Manusia	Mengemaskini pelan latihan jabatan melalui penambahan latihan secara maya dan online	Melengkapkan latihan kakitangan	7 hari latihan setahun	BKP (Unit Perkhidmatan)



STRATEGI TERAS 3 : MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Manfaat dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan	Meningkatkan keupayaan kelengkapan wifi / internet bagi jabatan	Memastikan penggunaan sistem berada dalam keadaan optimum	Memastikan kelancaran sistem pada tahap 100% (2023)	BKP (Unit IT)
	Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pekerja dan pengurusan	Melaksanakan kajian kepuasan pekerja	Kepuasan pekerja di jabatan	Tahap kepuasan pekerja melebihi 90% menjelang 5 tahun



STRATEGI TERAS 4 : MEMPERTINGKAT DAN MEMPERKASSAKAN IMEJ ORGANISASI

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Mempertingkatkan dan memudahkan capaian maklumat kepada pelanggan	Mengadakan mesyuarat dwi tahunan laman web jabatan	Tempoh pengemaskinian maklumat dalam laman web PDT Sepang	3 hari bekerja	BKP (Unit IT)



OBJEKTIF STRATEGIK 2

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG BERASASKAN AKAUNTABILITI DAN BERINTEGRITI KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI

STRATEGI

Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan



Memperkasakan tadbir urus

Memantapkan sistem dan prosedur kerja



Memantapkan pengurusan kewangan

PELAN TINDAKAN

Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu

Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan

Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman

Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan Nilai-Nilai Murni

Memperkasa dan menambah baik sistem dan prosedur

Mengoptimumkan kos operasi organisasi

Memastikan prosedur kewangan dipatuhi



STRATEGI TERAS 1 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN PENGUATKUASAAN

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadau	<p>Mengadakan operasi bersama jabatan lain bagi penguatkuasaan tanah</p> <p>Menyertai pemeriksaan di premis-premis komersial</p>	<p>Operasi bersepadau</p> 	<p>10 operasi setiap tahun</p> <p>1 operasi eksais setahun</p>	<p>Unit Penguatkuasaan Tanah</p> <p>BKP (Unit Keselamatan)</p>
Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan	Menghantar kakitangan penguatkuasaan ke kursus berkenaan	Kursus penguatkuasaan	1 kursus untuk setiap anggota sepanjang tahun	BKP (Unit Pentadbiran)



STRATEGI TERAS 2 : MEMPERKASA KAN TADBIR URUS

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK	
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman	Task force untuk menyemak / memantau pengurusan kewangan	Indeks Akauntabiliti Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 85% pada setiap pengauditan oleh Jabatan Audit Negara	BKP (Unit Kewangan)	
	Melaksanakan pemantauan dan naziran berkala	Mengurangkan jumlah laporan ketidak akuran (NCR) dalam pengauditan MS ISO 9001:2015	Kurang dari 2 teguran setiap Audit SIRIM	BKP (Unit Pentadbiran)	
	Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan Nilai-nilai Murni	Memperkuatkan integriti melalui latihan	Memastikan pelaksanaan program dan taklimat integriti	2 taklimat integriti setiap tahun	BKP (Unit Perkhidmatan)



STRATEGI TERAS 3 : MEMANTAPKAN SISTEM DAN PROSEDUR KERJA

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memperkasa dan menambah baik sistem dan prosedur	Memperkasa dan menambah baik sistem dan prosedur	Tahap kepuasan pelanggan	Tahap kepuasan melebihi 90% setiap tahun 	BKP (Unit Khidmat Pelanggan)



STRATEGI TERAS 4 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN KEWANGAN

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Mengoptimumkan kos operasi organisasi	Membuat perolehan berdasarkan peruntukan dan perbelanjaan berhemah	Prestasi perbelanjaan	Memastikan perbelanjaan yang telah diperuntukkan dibelanjakan melebihi 95% setiap tahun atau seperti yang diarahkan oleh Pejabat Kewangan Negeri	BKP (Unit Kewangan)
Memastikan prosedur kewangan dipatuhi	Pemeriksaan dan naziran berkala	Naziran oleh Bendahari Negeri	Memastikan jumlah teguran yang diterima pada tahap yang minimum Mendapat sijil bersih setiap tahun	BKP (Unit Kewangan)



OBJEKTIF STRATEGIK 3

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH BAGI KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN NEGERI

STRATEGI



Memantapkan pengurusan dan pentadbiran tanah ke arah **paperless society**



Memperkasakan urusan pembangunan tanah



Memantapkan keupayaan kutipan hasil

PELAN TINDAKAN

Memperluaskan penggunaan aplikasi sistem e-consent

Menyediakan laporan teknikal melalui OSC 3.0

Mepelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil



STRATEGI TERAS 1 : MEMANTAPKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH KE ARAH PAPERLESS SOCIETY

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Melaksanakan penggunaan aplikasi e-consent	Pelaksanaan Sistem tanah	90% Peratus penggunaan menjelang tahun 2025		Unit Pendaftaran Tanah

STRATEGI TERAS 2 : MEMPERKASAkan URUSAN PEMBANGUNAN TANAH

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Menyediakan laporan teknikal melalui OSC 3.0	Jumlah mesyuarat	12 kali setahun		Unit Pembangunan Tanah



STRATEGI TERAS 3 : MEMANTAPKAN KEUPAYAAN KUTIPAN HASIL

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Memantapkan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil	Jumlah kutipan hasil	 Memastikan jumlah kutipan hasil semasa melebihi 80% berbanding jumlah kutipan hasil yang dianggarkan dan jumlah tunggakan hasil melebihi 20% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak	Unit Hasil Tanah	



OBJEKTIF STRATEGIK 4

MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN LUAR BANDAR

STRATEGI



Meningkatkan Kualiti Kemudahan & Infrastruktur Awam Bagi Kesejahteraan Hidup Masyarakat Luar Bandar



Meningkatkan Kesedaran Dan Pemerkasaan Komuniti Luar Bandar Terhadap Aspek Cara Hidup Sihat

PELAN TINDAKAN

Melengkapkan prasarana asas secara holistik di kawasan luar bandar dengan mengoptimumkan penggunaan peruntukan pembangunan projek luar bandar

Meningkatkan kesedaran amalan cara hidup sihat



STRATEGI TERAS 1 : MENINGKATKAN KUALITI KEMUDAHAN & INFRASTRUKTUR AWAM BAGI KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT LUAR BANDAR

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Melengkapkan prasarana asas secara holistik di kawasan luar bandar Mengoptimumkan penggunaan peruntukan pembangunan projek luar bandar	Menyelaras input daripada Majlis Pengurusan Kampung dan Ketua Komuniti mengenai cadangan naiktaraf dan baikpulih, keperluan kemudahan dan infrastruktur	Bilangan pelaksanaan projek	Membina dan menaiktaraf kemudahan dan infrastruktur sekurang-kurangnya 5 projek setiap tahun	Bahagian Pembangunan



**STRATEGI TERAS 2 : MENINGKATKAN KESEDARAN DAN PEMERKASAAN KOMUNITI LUAR
BANDAR TERHADAP ASPEK CARA HIDUP SIHAT**

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Meningkatkan kesedaran terhadap amalan cara hidup sihat	<p>Aktiviti fizikal dan rekreasi di komuniti desa</p> <p>Program pendidikan kesihatan di komuniti desa mengenai pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit</p>	<p>Bilangan program yang dilaksanakan oleh MPKK</p> <p>Bilangan program yang dilaksanakan oleh MPKK</p>	<p>Sekurang-kurangnya 1 program setiap tahun bagi setiap MPKK</p> <p>Sekurang-kurangnya 1 program setiap tahun bagi setiap MPKK</p>	Bahagian Pembangunan



OBJEKTIF STRATEGIK 5

**MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SERTA
PENGUKUHAN SOSIO-EKONOMI SECARA HOLISTIK UNTUK
KESEJAHTERAAN MASYARAKAT**

STRATEGI



Memperkuuh Sistem Sosio-Ekonomi Luar Bandar



Merapatkan jurang digital antara bandar dan desa

PELAN TINDAKAN

- Membantu golongan miskin luar bandar meningkatkan pendapatan melalui aktiviti ekonomi
- Memperkasakan kemudahan fizikal perniagaan bagi meningkatkan aktiviti keusahawanan komuniti luar bandar
- Meningkatkan taraf hidup sosial komuniti luar bandar
- Meningkatkan kesedaran komuniti luar bandar terhadap ICT



TERAS 1 : MEMPERKUKUH SISTEM SOSIO-EKONOMI LUAR BANDAR

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Membantu golongan miskin luar bandar meningkatkan pendapatan melalui aktiviti ekonomi	Program Peningkatan Pendapatan (PPP) dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)	Bilangan program yang dilaksanakan oleh MPKK	Sekurang-kurangnya 1 program setiap tahun bagi setiap MPKK	Bahagian Pembangunan
Memperkasakan kemudahan fizikal perniagaan bagi meningkatkan aktiviti keusahawanan komuniti luar bandar	Program Bantuan Blueprint dan Program Dana Usahawan Mikro (DUMS)	Bilangan penerima bantuan	Sekurang-kurangnya 10 penerima setiap tahun	Bahagian Pembangunan
Meningkatkan taraf hidup sosial komuniti luar bandar	Program Rumah Kerajaan Prihatin	Bilangan penerima bantuan	Sekurang-kurangnya 5 penerima setiap tahun	Bahagian Pembangunan



TERAS 2 : MERAPATKAN JURANG DIGITAL ANTARA BANDAR DAN DESA

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Meningkatkan kesedaran komuniti luar bandar terhadap ICT	Mewujudkan jaringan media sosial yang komprehensif dalam komuniti desa	Bilangan akaun media sosial setiap MPKK	Setiap MPKK mempunyai sekurang-kurangnya 1 akaun media sosial (Facebook)	Bahagian Pembangunan



OBJEKTIF STRATEGIK 6

**MEMPERTINGKATKAN KESELAMATAN & KETENTERAMAN AWAM
BAGI TUJUAN MENGEKALKAN PERPADUAN & KEHARMONIAN
MASYARAKAT**

STRATEGI



Mewujudkan Kehidupan Luar Bandar Yang Sejahtera



Memperkuuh Perpaduan, Kebudayaan Dan Keharmonian Komuniti Luar Bandar

PELAN TINDAKAN

Meningkatkan tahap keselamatan masyarakat luar bandar

Memberi pendedahan dan kesedaran mengenai jenayah siber

Mengadakan program untuk memperkuuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat



TERAS 1 : MEWUJUDKAN KEHIDUPAN LUAR BANDAR YANG SEJAHTERA

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Meningkatkan tahap keselamatan masyarakat luar bandar	Program latihan mengenai keselamatan termasuk pengurusan bencana kepada penduduk luar bandar	Bilangan program yang dilaksanakan oleh MPKK	Sekurang-kurangnya 1 program setiap tahun bagi setiap MPKK	Bahagian Pembangunan
	Memberi pendedahan dan kesedaran mengenai jenayah siber	Program latihan ICT yang meliputi ceramah kesedaran jenayah siber	Sekurang-kurangnya 1 program setiap tahun bagi setiap MPKK	Bahagian Pembangunan



STRATEGI TERAS 2 : MEMPERKUKUH PERPADUAN, KEBUDAYAAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI LUAR BANDAR

PELAN TINDAKAN	AKTIVITI	INDIKATOR	SASARAN / TAHUN SASARAN	PEMILIK
Mengadakan program untuk memperkuuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat	Program kesenian, kebudayaan, sukan dalam komuniti desa	Bilangan program yang dilaksanakan oleh MPKK	Sekurang-kurangnya 1 program setiap tahun bagi setiap MPKK	Bahagian Pembangunan



PETA STRATEGIK

Peta Strategi (Strategy Map) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini akan diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu:

- Perspektif Pelanggan;
- Perspektif Kewangan;
- Perspektif Proses Dalaman; dan
- Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan

PELANGGAN

Mempertingkatkan Infra awam dan memperkuatkannya pengurusan aset

Membangunkan masyarakat yang sihat dari segi fizikal, mental dan spiritual serta memupuk perpaduan

Memudahkan dan mempercepatkan urusan berkaitan tanah serta mesra pelanggan

PROSES DALAMAN

Memantapkan tadbir urus sistem dan prosedur kerja

Mempertingkatkan kecekapan pengurusan tanah

Memantapkan hala tuju dan pembangunan Daerah

KEWANGAN

Memantapkan pengurusan kewangan

Meningkatkan keupayaan mengutip hasil

PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

Memantapkan pembangunan organisasi

Mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan selesa

Mempertingkatkan imej organisasi



ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Pembangunan Insan

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran pembangunan insan PDT Sepang melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Ini termasuk perancangan strategik, pengurusan tanah, perancangan dan pengurusan ICT serta pengurusan prestasi. Pendekatan mentor-mentee, AKRAB dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan imej PDT Sepang.

Kapasiti Organisasi

Kapasiti organisasi PDT Sepang akan diperkuuhkan agar dapat melaksanakan bidang fokus baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksible seperti kerja berpasukan, matriks dan berdasarkan projek.

Pengurusan Ilmu

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan sistem Pengurusan Ilmu atau Knowledge Management (KM) PDT Sepang. Penggunaan optimum KM akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai objektif strategik PDT Sepang.

Kajian Semula Pelan Strategik

Kajian Semula Pelan Strategik PDT Sepang akan dijalankan pada tahun 2023 untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian Semula tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik PDT Sepang.



MEKANISMA PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di PDT Sepang memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh lima (5) tahun ini, strategi dan pelan tndakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut perancangan seperti di Jadual 1.

BIL.	PERKARA	CADANGAN
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap enam (6) bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap tahun
3.	Penilaian keberkesan dan Kajian Semula Pelan Strategik	Setiap tahun

Jadual 1: Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik

Untuk menentukan keberkesan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesan akan dibuat pada setiap tahun. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Pejabat Daerah/Tanah Sepang.



Dalam pada itu, bagi memantapkan tadbir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan, jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi PDT Sepang. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di Jadual 2:

JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Pegawai Derah Sepang
Setiausaha	Unit Majlis dan Keraian
Ahli-ahli	Semua Ketua Unit

Jadual 2: Jawatankuasa Transformasi PDT Sepang

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelaras utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik PDT Sepang berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan. Selain itu, Pelan Strategik PDT ini boleh dipantau melalui carta perbatuan bagi memastikan berjalan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Carta perbatuan tersebut adalah seperti di Jadual 3:



CARTA PERBATUAN

**CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN
PELAN STRATEGIK 5 TAHUN
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SEPANG**

BIL.	AKTIVITI	2021	2022	2023	2024	2025	TINDAKAN	PELAKSANAAN SEBENAR
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik							
2.	Penilaian Pencapaian							
3.	Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik							
4.	Kemaskini Pelan Strategik 2021-2025							

Jadual 3 : Carta Perbatuan Pelan Strategik 2021 - 2025

BAB 4:

PENUTUP



Semua usaha dan inisiatif penambahbaikan akan terus dilaksanakan sebagai usaha untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Penghargaan kepada semua wargakerja PDT Sepang yang telah memberi kerjasama, komitmen dan dedikasi khususnya dalam melaksanakan dan menyempurnakan tugas serta tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Semoga PDT Sepang terus mencapai kejayaan dan pengiktirafan pada tahun-tahun mendatang dan menjadi Pejabat Daerah dan Tanah contoh dalam pelbagai aspek dan mengekalkan keunggulan prestasi.



www.selangor.gov.my/sepang

Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang

Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak Tinggi
43900 Sepang, Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-87061211 / 03-87061212 / 03-87061213 (Talian Am)
Faks: 03-87061731 (D.O) / 03-87064612 (Pentadbiran)

Balai Penghulu:

Tel: 03-87686234 (Dengkil)
Tel: 03-87061004 (Labu)
Tel: 03-31411162 (Sepang)